

# LAND LAW AND SURVEY REGULATION (SBEU 4313)

## WEEK 4 – URUSNIAGA TANAH

Sr DR. TAN LIAT CHOON

07-5543157

016-4975551

# ISI KANDUNGAN

- Pendaftaran Urusniaga
- Konsep Dan Jenis Urusniaga
- Kaveat Dan Perintah Larangan

# PENDAFTARAN URUSNIAGA

# Keperluan Mendaftarkan Urusniaga Mengenai Tanah Bermilik

□ Peruntukan-peruntukan dalam Kanun Tanah Negara (Akta 828) menghendaki urusniaga tertentu mengenai tanah bermilik atau kepentingan mengenainya didaftarkan. Ini ialah untuk memastikan urusniaga-urusniaga mengenai tanah bermilik seperti pindahmilik, pajakan atau gadaian tanah itu adalah penting kerana ianya menyumbang kepada pembangunan tanah itu. Keadaan yang sama terpakai berhubung urusniaga-urusniaga berkenaan kepentingan mengenai tanah bermilik seperti pindahmilik atau gadaian bagi pajakan tanah bermilik.

# Keperluan Mendaftarkan Urusniaga Mengenai Tanah Berimilik

□ Istilah “tanah berimilik” ditakrifkan dalam seksyen 5 sebagai “mana-mana tanah (termasuk mana-mana petak dari sebuah bangunan yang dipecah bahagi) yang mana satu hakmilik berdaftar pada masa ini masih berterusan, sama ada tetap atau sementara, sama ada untuk selamanya atau untuk satu tempoh beberapa tahun, dan sama ada diberi oleh Pihak Berkuasa Negeri mengikut Akta ini atau dalam menjalankan kuasa-kuasa yang diberikan oleh mana-mana undang-undang tanah terdahulu, tetapi tidak termasuk tanah lombong”.

# Keperluan Mendaftarkan Urusniaga Mengenai Tanah Bermilik

- ❑ Istilah “kepentingan atas tanah bermilik” termasuk pajakan atau pajakan kecil tanah bermilik, gadaian tanah bermilik atau pajakan atau pajakan kecil, dan suatu ismen.
- ❑ Adalah perlu diberi perhatian bahawa mengikut seksyen 206(3) Kanun Tanah Negara (Akta 828), urusniaga mengenai tanah bermilik atau kepentingan mengenainya boleh juga dilakukan dengan tidak perlu mendaftarkannya mengikut Kanun Tanah Negara (Akta 828). Tetapi urusniaga sedemikian tidak mempunyai kesan mengikut Kanun Tanah Negara (Akta 828). Contohnya, jika tanah bermilik tidak digadaikan selaras dengan Kanun Tanah Negara (Akta 828), pemegang gadaian tidak akan mendapat remedi di bawahnya, seperti jualan.

# Jenis-Jenis Urusniaga

☐ Kanun Tanah Negara (Akta 828) memperuntukkan empat jenis urusniaga. Ianya ialah seperti berikut:

- a) Pindahmilik (transfers);
- b) Pajakan dan sewaan (leases and tenancies);
- c) Cagaran/Gadaian dan Lien (charges and liens); dan
- d) Ismen (easement)

# Jenis-Jenis Urusniaga

□ Kanun Tanah Negara (Akta 828) menghendaki pemberian sewaan bagi tempoh tidak lebih daripada tiga tahun untuk didaftarkan dalam hakmilik-hakmilik tanah. Tetapi mana-mana sewaan (sungguhpun kurang daripada tiga tahun) yang tertakluk kepada Akta Penanam Padi (Mengawal Sewa dan Menjamin Pemegangan) 1967, hendaklah didaftarkan mengikut Akta itu.



# Jenis-Jenis Urusniaga

❑ Walaupun pendaftaran tidak diperlukan berhubung dengan sewaan mengikut seksyen 223(1) Kanun Tanah Negara (Akta 828), untuk melindungi kepentingannya, penyewa boleh memohon bagi suatu endorsan tuntutan mengikut seksyen 316 Kanun Tanah Negara (Akta 828). Seksyen 223(1) juga memperuntukkan bahawa suatu sewaan boleh diberikan oleh tuan punya tanah bermilik, pemegang pajakan atau pemegang pajakan kecil yang ada pada masa ini bagi mana-mana tanah bermilik, atau oleh mana-mana orang atau badan yang pada masa ini memegang mana-mana tanah bermilik di bawah suatu sewaan atau sewaan kecil sedemikian. Seperti yang dinyatakan dalam seksyen 223(2), suatu sewaan boleh diberikan sama ada secara lisan atau dengan suratcara bertulis dalam apa bentuk sekalipun.

# Jenis-Jenis Urusniaga

❑ Suatu lien bukannya urusniaga yang boleh didaftarkan. Mengikut seksyen 281(1) Kanun Tanah Negara (Akta 828), ia boleh diwujudkan berkenaan dengan tanah berimilik atau mana-mana pajakan atau pajakan kecil tanah berimilik. Suatu lien diwujudkan apabila tuan punya tanah berimilik atau pemegang pajakan atau pemegang pajakan kecil tanah berimilik yang ada pada masa ini mendepositkan dengan yang lain Dokumen Hakmilik Keluaran, pajakan pendua atau pajakan kecil penduanya masing-masing sebagai jaminan bagi suatu pinjaman.

# Jenis-Jenis Urusniaga

❑ Orang yang dengannya Dokumen Hakmilik Keluaran, pajakan pendua atau pajakan kecil pendua itu didepositkan dikenali sebagai pemegang lien dan untuk melindungi kepentingannya ia boleh memohon untuk kemasukan kaveat pemegang lien mengikut seksyen 330(1) Kanun Tanah Negara (Akta 828). Menurut peruntukan seksyen 343(6), lien juga boleh diwujudkan berkenaan dengan bahagian yang tidak dipecahkan mengenai mana-mana tanah berimilik dan dokumen yang perlu didepositkan ialah salinan Dokumen Hakmilik Keluaran.

# Jenis-Jenis Urusniaga

□ Jenis-jenis urusniaga yang utama mengikut Kanun Tanah Negara (Akta 828) yang menghendaki pendaftaran ialah pindahmilik, pajakan, cagaran / gadaian dan ismen. Sehingga didaftarkan, urusniaga-urusniaga ini tidak berkesan.

□ Contohnya, pindahmilik tanah yang tidak didaftarkan tidak diiktiraf oleh Kanun Tanah Negara (Akta 828) dan orang yang faedah pindahmilik itu dibuat baginya tidak boleh menjalankan kuasa sebagai tuan punya mengikut undang-undang itu.

# Borang-Borang Untuk Urusniaga Boleh Daftar

Tiap-tiap urusniaga yang boleh daftar hendaklah dibuat dalam suatu suratcara dengan menggunakan borang-borang yang berkenaan seperti yang diperuntukkan dalam Jadual Pertama Kanun Tanah Negara (Akta 828). Ini adalah seperti yang dinyatakan dalam seksyen 207 Kanun Tanah Negara (Akta 828). Kehendak-kehendak seksyen 212 dan Jadual Kesepuluh (berkenaan dengan penyediaan dan pengisian borang) hendaklah dipatuhi.

# Borang-Borang Untuk Urusniaga Boleh Daftar

□ Borang-borang yang hendak digunakan ialah seperti berikut:

- a) Borang 14A – pindahmilik tanah, bahagian atau pajakan;
- b) Borang 14B – pindahmilik gadaian;
- c) Borang 15A – pajakan tanah;
- d) Borang 15B – pajakan kecil tanah;
- e) Borang 15C – penyerahan balik pajakan;
- f) Borang 16A – gadaian – untuk menjamin pembayaran wang pokok;
- g) Borang 16B – gadaian – untuk menjamin pembayaran wang bermasa;
- h) Borang 16C – penangguhan gadaian;
- i) Borang 16F – perakuan jual oleh Mahkamah;
- j) Borang 16I – perakuan jual oleh Pentadbir Tanah;
- k) Borang 16N – melepaskan gadaian;
- l) Borang 17A – pemberian ismen;
- m) Borang 17B – pemberian ismen berbalas (berkenaan dengan dinding kongsi); dan
- n) Borang 17C – melepaskan ismen.

# Orang/Badan Yang Bagi Faedahnya Urusniaga Boleh Dilaksanakan

❑ Seperti yang diperuntukan dalam seksyen 205(2) Kanun Tanah Negara (Akta 828), orang / badan yang bagi faedahnya urusniaga boleh dilaksanakan ialah mereka yang disenaraikan dalam seksyen 43 Kanun Tanah Negara (Akta 828). Berkenaan dengan urusniaga yang dilaksanakan bagi faedah orang atau syarikat, peruntukan-peruntukan Bahagian 33(A) juga hendaklah dipatuhi.

❑ Dalam kes urusniaga yang dilaksanakan bagi faedah sebuah syarikat, Pendaftar Hakmilik / Pentadbir Tanah hendaklah menyemak memorandum persatuannya untuk menentukan sama ada ia boleh memiliki harta tak alih atau tidak.

# Pendaftaran Urusniaga

Sebagaimana yang disebut terdahulu bahawa sistem pendaftaran yang termaktub di dalam Kanun Tanah Negara (Akta 828) adalah berasaskan kepada Sistem Torrens yang mula-mula diperkenalkan di Australia. Sistem ini pada prinsipnya berasaskan kepada konsep 'Mirror' dan 'Curtain' di mana semua maklumat mengenai tanah dan jenis hakmilik serta segala urusniaga yang telah dijalankan dapat diperolehi dalam hakmilik tanah lot yang berkenaan.



# Pendaftaran Urusniaga

Ketelusan prinsip ini membolehkan pendaftaran hakmilik dan urusniaga disempurnakan dengan cepat, pantas dan menjimatkan kos berbanding dengan sistem ala British (Sistem Deed) di mana semakan hakmilik terkebelakang selama beberapa tahun perlu dibuat sebelum pemilik tanah yang sah dapat ditentukan dan urusniaga disempurnakan. Natijahnya, setiap urusniaga yang dilakukan perlu didaftarkan dan Kanun Tanah Negara (Akta 828) tidak memberi pengiktirafan kepada setiap urusniaga yang tidak didaftarkan dan ketidakbolehan disangkal urusniaga berkenaan boleh dicabar.

# Pendaftaran Urusniaga

☐ Proses pendaftaran urusniaga boleh dibahagikan kepada beberapa peringkat yang tertentu:

- i. Proses Pengisian Suratcara;
- ii. Proses Penyerahan Suratcara;
- iii. Proses Penentuan Kelayakan Suratcara; dan
- iv. Proses Pendaftaran.

# Proses Pengisian Suratcara

❑ Peringkat pertama di dalam proses pendaftaran ialah pengisian suratcara urusan niaga. Di dalam Kanun Tanah Negara (Akta 828), setiap urusan niaga dikehendaki menggunakan borang-borang yang telah ditetapkan di samping cara-cara pengisian yang tertentu.

❑ Semasa pengisian borang, peruntukan-peruntukan yang terdapat di bawah S43 dan Jadual 10 Kanun Tanah Negara (Akta 828) hendaklah dipatuhi. Suratcara yang telah siap diisi hendaklah ditandatangani oleh pemilik tanah atau orang yang berkaitan itu sendiri dan bagi kes-kes yang melibatkan syarikat dan perbadanan, suratcara hendaklah ditandatangani oleh pegawai yang diberi kuasa di bawah perlembagaan atau undang-undang perbadanan atau syarikat yang berkenaan untuk berbuat demikian.

# Proses Pengisian Suratcara

❑ Semua suratcara yang dilaksanakan oleh orang perseorangan hendaklah diakuisaksikan (attested) oleh pegawai-pegawai yang tercatat di dalam Jadual Kelima Kanun Tanah Negara (Akta 828) dan bagi kes syarikat dan perbadanan, sebagaimana yang diperuntukan di dalam undang-undang masing-masing.

❑ Suratcara yang telah sempurna diisi dan dilaksanakan oleh orang biasa hendaklah ditandatangani atau dicap jari dihadapan pegawai-pegawai yang ditetapkan di bawah Jadual Kelima Kanun Tanah Negara (Akta 828). Proses ini dipanggil proses pengakusaksian (attestation).

# Proses Pengisian Suratcara

❑ Tujuan utama proses pengakusaksian ialah untuk mengenalpasti pihak yang terlibat, kesahihan tandatangan atau cap jari, kemampuan fikiran dan kebolehpercayaan pihak yang terlibat serta keikhlasan saksi yang dipilih dan juga ketepatan maklumat yang diberi seperti nama, alamat dan lain-lain.

❑ Untuk syarikat atau perbadanan yang didaftarkan di bawah Akta Syarikat 1965, hendaklah menurut peruntukan di dalam undang-undang pertubuhannya. Suratcara ditandatangani oleh orang yang diberi kuasa dengan satu pengakuan daripada seorang pegawai atasan lain menyatakan tandatangan telah dibuat dihadapannya.

# Proses Pengisian Suratcara

Semua suratcara yang telah disempurnakan hendaklah disertakan secukupnya mengikut Akta Setam 1949 dengan cara dihantar kepada Timbalan Pemungut Duti Setem (TPDS) bagi tujuan pengenaan cukai setem. Perlu diperhatikan bahawa jawatan TPCS boleh disandang sama ada oleh seorang Pegawai Daerah ataupun penolongnya atau seorang pegawai kanan pejabat cawangan Lembaga Hasil Dalam Negeri.

# Proses Pengisian Suratcara

Jawatan Pemungut Duti Setam biasanya dipegang oleh Ketua Pengarah Jabatan Hasil Dalam Negeri. Mereka ini dilantik di bawah S3 Akta Setam 1949. Apabila suratcara urusaniaga diterima, Timbalan Pemungut Cukai Setem (TPCS) akan memberitahu pihak terlibat jumlah cukai setem yang dikenakan berasaskan kepada Jadual Pertama Akta Setam 1949 dan setelah dijelaskan, TPCS membuat satu catatan mengikut S7 atau S82(b) Akta yang berkenaan. Setelah duti setem dijelaskan, suratcara berkenaan dibawa ke Pejabat Pendaftar/Tanah mengikut mana yang berkenaan untuk didaftarkan. Tarikh penyerahan suratcara berkenaan adalah merupakan tarikh kuatkuasa pendaftaran urusaniaga tersebut.

# Proses Penyerahan Suratcara

- ❑ Peringkat kedua ialah proses penyerahan suratcara yang telah diisi dan disetemkan ke pejabat pendaftaran yang berkenaan. Tarikh dan masa penyerahan adalah penting kerana ianya menentukan keutamaan sesuatu suratcara ke atas suratcara yang lain sekiranya melibatkan lot tanah yang sama.
- ❑ Bagi suratcara yang dihantar secara pos, tarikh dan masa sampul dibuka dikira sebagai tarikh penyerahan. Catatan tentang masa dan tarikh hendaklah dicatit dibahagian yang ditetapkan untuk Pendaftar di dalam suratcara tersebut dengan pensil buat sementara waktu.



# Proses Penentuan Kelayakan Suratcara

□ Seterusnya ialah peringkat menentukan kelayakan atau kesesuaian suratcara untuk didaftarkan. Pada tahap ini, Pendaftar perlu meneliti beberapa ciri kelayakan yang telah ditetapkan seperti:

- i. Penggunaan borang yang betul;
- ii. Kelayakan pihak-pihak yang terlibat;
- iii. Kelayakan pegawai yang membuat akusaksi;
- iv. Bayaran pendaftaran sebagaimana ditetapkan;
- v. Bayaran pendaftaran lewat, jika dihantar melebihi 3 bulan daripada tarikh dilaksanakan;
- vi. Duti setem telah dijelaskan, jika berkenaan;
- vii. Cukai tanah dijelaskan; dan
- viii. Hakmilik dan dokumen iringan yang lain disertakan.

# Proses Penentuan Kelayakan Suratcara

Suratcara sesuatu urusanniaga boleh digantung (impounds) sementara waktu jika terdapat beberapa keperluan yang tidak dipenuhi dan Pendaftar boleh meminta supaya pihak perlaksana membetulkannya secepat mungkin.

# Proses Pendaftaran

❑ Akhir sekali ialah peringkat pendaftaran. Jika Pendaftar berpuas hati dengan suratcara yang diserahkan, ia akan mendaftarkannya dengan membuat ingatan (memorial) di dalam hakmilik dengan mencatat nombor penyerahan dan jilidnya, jenis urusanniaga dan tarikh berkuatkuasa.

❑ Jika Pendaftar tidak berpuashati dengan kesesuaian suratcara yang berkenaan, beliau akan menolak dan memberitahu pihak yang terlibat. Peringkat ini merupakan pembentangan terakhir bagi Pentadbir Tanah untuk mengawai urusanniaga pendaftaran. Sebarang kesilapan yang berlaku selepas ini perlu dirujuk ke Mahkamah.

# Pendaftaran Bukan Urusniaga

❑ Pendaftaran bukan urusniaga adalah pendaftaran kemasukan kaveat, endosan perletakan hak, pengambilan balik tanah, hak lalu lalang, izin lalu Tenaga National Berhad dan sebagainya.

❑ Terdapat banyak lagi urusniaga-urusniaga tanah bukan urusniaga yang memerlukan catatan dibuat di dalam hakmilik seperti perletakan hak, endosan tanah Kawasan Penempatan Berkelompok, rizab Melayu, pertukaran alamat, pembetulan di bawah S380 Kanun Tanah Negara (Akta 828), pendaftaran surat kuasa wakil, pecah bahagi bangunan dan lain-lain lagi.

# Pendaftaran Halangan Urusniaga

❑ Terdapat 4 jenis kaveat dan perintah larangan yang wujud dalam Kanun Tanah Negara (Akta 828) iaitu:

- a) Kaveat Persendirian;
- b) Kaveat Pendaftar;
- c) Kaveat Pemegang Lien; dan
- d) Kaveat Pemegang Amanah.

❑ Untuk tujuan kemasukan kaveat, Kanun Tanah Negara (Akta 828) menyediakan borang-borang yang khas bagi kaveat yang tertentu. Bagi kaveat persendirian (Borang 19B), kaveat pendaftar (Borang 19F), kaveat amanah (Borang 19E) dan kaveat pemegang lien (Borang 19D).

# Endosan Pengambilan Tanah Dan Pembahagian Pusaka Kecil

- ❑ Pengambilan balik tanah yang telah diwartakan sama ada di bawah S4 atau S8 Akta pengambilan Tanah 1960 (APT) perlu diendoskan ke dalam hakmilik tanah yang berkenaan.
- ❑ Tujuan pengendosan ini dibuat adalah untuk memberitahu orang ramai yang ingin berurusniaga dengan lot tanah yang berkenaan supaya berhati-hati kerana lot tersebut mungkin akan diambil balik oleh pihak berkuasa tertentu untuk sesuatu projek pembangunan.

# Endosan Pengambilan Tanah Dan Pembahagian Pusaka Kecil

Bagi Pentadbir Tanah, pengendosan ini adalah amat mustahak kerana menurut Kanun Tanah Negara (Akta 828), Pentadbir Tanah adalah bertanggungjawab sepenuhnya ke atas Sijil Carian rasmi yang ditandatangani olehnya jika sijil itu dipohon oleh orang ramai. Sebarang kecuaiian atau ketinggalan seperti terlupa membuat endosan pengambil balik tanah ini akan membolehkan Pentadbir Tanah didenda di atas kesilapannya jika pihak memerlukan sijil carian itu mengalami kerugian.

# Endosan Pengambilan Tanah Dan Pembahagian Pusaka Kecil

Di dalam sistem pentadbiran tanah kini, proses pembahagian pusaka dikendalikan oleh dua pihak yang utama, iaitu Mahkamah Tinggi bagi pusaka dan Pegawai Pembahagian Pusaka yang diwartakan sebagai Pentadbir Tanah bagi harta pusaka kecil. Kedua-dua pihak ini apabila tamat proses pembahagian pusaka akan menghantarnya kepada Pentadbir Tanah sijil pembahagian pusaka dan menjadi tanggungjawab Pentadbir Tanah untuk membuat catatan di dalam hakmilik yang berkenaan.



# KONSEP DAN JENIS-JENIS URUSNIAGA

# Urus Niaga yang Berupaya Dikuatkuasakan, dan Orang-Orang yang Berupaya Menjalankannya (S205)

- ❑ Tanah yang telah diberimilik dan kepentingan didalamnya yang ditetapkan dalam bahagian empat belas dan tujuh belas Kanun Tanah Negara (Akta 828) sahaja.
- ❑ Orang atau badan-badan yang boleh membuat urus niaga ialah hanya mereka yang tertakluk di bawah S43 Kanun Tanah Negara (Akta 828).
- ❑ Tiada urus niaga bagi tanah milik di bawah kategori pertanian yang keluasannya kurang daripada 2/5 hektar.

# Keperluan Bagi Instrumen Urus Niaga yang Patut, yang Didaftarkan Dengan Sempurna (S206)

- ❑ Tiap-tiap urus niaga hendaklah dilaksanakan dengan menggunakan satu instrumen yang memenuhi kehendak S207 hingga S222 Kanun Tanah Negara (Akta 828).
- ❑ Kecuali urus niaga-urus niaga lain yang melibatkan sewaan bebas daftaran [S213(2)] dan lien, yang boleh dicipta, ganti seperti disebut dalam S281 Kanun Tanah Negara (Akta 828).
- ❑ Tiada apa-apa peruntukan di bawah seksyen ini yang melibatkan operasi kontrak bagi mana-mana transaksi yang berkaitan dengan tanah bermilik atau apa-apa kepentingan di atasnya.

# Borang Bagi Instrumen-Instrumen Urus Niaga (S207)

- ❑ Tiap-tiap suratcara yang menyentuh apa-apa urus niaga di bawah Kanun Tanah Negara (Akta 828) ini hendaklah dibuat di atas borang-borang yang berkenaan dalam Jadual Pertama.
- ❑ Tajuk-tajuk dan jadual yang harus dimasukkan dalam suratcara-suratcara urus niaga, seperti ditunjukkan dalam Borang 13A.
- ❑ Peruntukan-peruntukan S211 mengenai pemasukan ayat-ayat penyaksian dalam suratcara urus niaga.

# Instrumen-Instrumen Hendak Mengandung Perihal, dll. Mengenai Pihak-Pihak (S208)

❑ Suratcara hendaklah mengandung huraian:

- i. Nama penuh dan alamat, dan perkerjaan atau taraf perkahwinan, tiap-tiap orang atau badan yang menuntut di bawahnya;
- ii. Bagi yang mempunyai alamat di luar Persekutuan, satu alamat di dalam Persekutuan perlu diadakan;
- iii. Untuk memindahhak mana-mana tanah kepada dua orang atau badan atau lebih sebagai tuan punya bersama.

# Instrumen-Instrumen Hendak Mengandung Perihal Yang Patut Mengenai Tanah Yang Terjejas (S209)

❑ Syratcara hendaklah juga mengandungi huraian mengenai tanah yang terlibat:

- i. Kawasan pentadbiran di mana tanah itu terletak; dan
- ii. Nombor lot atau Nombor Pejabat Tanah (untuk hakmilik sementara); dan
- iii. Nombor Hakmilik.

# Penyempurnaan Instrumen- Instrumen Urus Niaga (S210)

- ❑ Tiap-tiap suratcara yang hendak dilaksanakan mengikut peruntukan seksyen ini oleh setiap pihak yang mengizinkaninya atau orang yang bertindak bagi pihaknya di bawah satu surat kuasa wakil yang sah, atau mana-mana undang-undang bertulis atau perintah Mahkamah.
- ❑ Perlaksanaan apa-apa suratcara hendaklah ditandatangani atau dicap jari di atas suratcara itu.
- ❑ Bagi suatu perbadanan hendaklah dilaksanakan dengan cara yang ditentukan oleh perlembagaannya atau mana-mana undang-undang yang berkuatkuasa pada masa itu.

# Penyaksian Suratcara Urusniaga (S211)

❑ Apa-apa suratcara yang berkaitan dengan urusniaga di bawah Kanun Tanah Negara (Akta 828) hendaklah disaksikan oleh seorang daripada pegawai-pegawai atau orang lain seperti yang ditetapkan dalam Jadual Kelima.

❑ Penyaksian suratcara urusniaga di atas tidak boleh digunakan bagi mana-mana suratcara yang dilaksanakan oleh:

- i. Pengarah Tanah Negeri;
- ii. Pendaftar;
- iii. Mana-mana Pentadbir Tanah;
- iv. Mana-mana Pegawai Mahkamah; atau
- v. Pegawai Pentadbir Pusaka.



# Permasukn Dalam Satu Suratcara Urusniaga Yang Melibatkan Tanah Yang Berlaian (S212)

- Jenis urusniaga yang sama, dan semuanya dilaksanakan oleh orang atau badan yang sama bagi faedah orang atau badan yang sama.
- Dokumen-dokumen hakmilik daftaran disimpan dalam Pejabat Pendaftaran atau Pejabat Tanah yang sama.

# Pindahmilik (Transfer)

# Apa Yang Boleh Dipindahmilik, dan Sekatan Mengenai Pelaksanaan Kuasa (S214)

- Keseluruhan, tetapi tidak sebahagian sahaja, mana-mana tanah beri milik.
- Keseluruhan, tetapi tidak sebahagian sahaja, mana-mana bahagian yang tak dipecahkan dalam dari tanah beri milik.
- Apa-apa pajakan tanah beri milik.
- Apa-apa gadaian.
- Apa-apa tenansi yang bebas daripada pendaftaran.

# Sekatan-Sekatan Kepada Pindahmilik

- ❑ Apa-apa larangan atau batasan yang dikenakan oleh Kanun Tanah Negara (Akta 828) atau mana-mana undang-undang bertulis pada masa itu berkuatkuasa.
- ❑ Apa-apa sekatan kepentingan yang berkuatkuasa pada masa itu.
- ❑ Sekatan pindahmilik tanah pertanian yang kurang daripada 2/5 hektar (1 ekar), kecuali di Kelantan keluasan ½ ekar.
- ❑ Sekatan pindahmilik tanah ladang (S214A, NLC), tanpa kebenaran Lembaga Ladang (Estate Board).

# Sekatan-Sekatan Kepada Pindahmilik

- ❑ Jika ianya pajakan, gadaian dan sewaan bebas daftaran, tertakluk kepada peruntukan yang ditetapkan.
- Tiada apa jua pajakan atau gadaian boleh dipindahmilik kepada 2 orang atau badan atau lebih melainkan sebagai pemegang amanah atau wakil.
- ❑ Sekatan ke atas warga negara asing / syarikat asing.

# Bentuk Dan Kesan Amnya Mengenai Pindahmilik Tanah (S215)

- Pindah milik mana-mana tanah beri milik di bawah Akta ini hendaklah dikuatkuasa dengan satu suratcara atas Borang 14A.
- Hakmilik pemindahmilik terserah kepada penerima pindah milik apabila pendaftaran, bersekali dengan faedah mana-mana kepentingan berdaftar.
- Semua syarat dan sekatan kepentingan atau lain-lain catatan di atas dokumen pada ketika itu boleh dipakai kepadanya.
- Penerima pindahmilik tertakluk juga apa-apa pajakan, gadaian atau kepentingan berdaftar lain yang sedia ada.

# Bentuk Pindahmilik Pajak atau Gadaian (S218)

- Pindahmilik mana-mana pajakan hendaklah dilaksanakan atas Borang 14A.
- Pindahmilik mana-mana gadaian hendaklah dilaksanakan atas Borang 14B.
- Kesan pindahmilik pajakan atau gadaian hendaklah dilepas dan diletakkan kepada penerima pindah milik ketika pendaftaran pindah milik.

# Bentuk Dan Kesan Pindah Milik Sewaan Bebas (S220)

Sewaan bebas daftaran boleh dipindahmilik di bawah Akta ini sama ada secara lisan atau dengan suratcara bertulis dalam apa-apa bentuk sekalipun.



# Pajakan (Lease)

# Kuasa Tuanpunya Untuk Memajak Bagi Tempoh Melebihi Tiga Tahun (S221)

- Tuan punya mana-mana tanah milik boleh memberi pajakan ke atas kesemua atau mana-mana bahagiannya.
- Pajakan yang diberikan mestilah untuk tempoh melebihi 3 tahun.
- Tiap-tiap pajakan hendaklah dibuat atas Borang 15A.

# Kuasa Tuanpunya Untuk Memberi Pajakan Bagi Tempoh Melebihi Tiga Tahun (S221)

- ❑ Pajakan bagi keseluruhan tanah, tempoh maksimum pajakan ialah 99 tahun.
- ❑ Pajakan sebahagian tanah tempoh maksimum ialah 30 tahun (pelan dan perihal hendaklah dijelaskan dan dikembarkan di dalam suratcara).
- ❑ Bagi pajakan kecil hendaklah dibuat di atas Borang 15B.

# Sekatan–Sekatan Ke Atas Pajak

- ❑ Apa-apa larangan atau bantahan yang dikenakan oleh Kanun Tanah Negara (Akta 828) atau mana-mana undang-undang bertulis pada masa ianya dikuatkuasa.
- ❑ Mana-mana sekatan kepentingan yang berkuatkuasa pada masa itu yang berkaitan dengan tanah itu.
- ❑ Pajak tidak boleh diberikan kepada 2 orang atau lebih melainkan sebagai pemegang amanah atau wakil.
- ❑ Jika tanah itu tertakluk kepada gadaian, persetujuan pemegang gadaian perlu didapatkan terlebih dahulu.

# Sekatan–Sekatan Ke Atas Pajakan

- ❑ Sekatan ke atas warganegara asing / syarikat asing.
- ❑ Penyerahan pajakan atau pajakan kecil (sub-lease) hendaklah dikuatkuasakan di atas Borang 15C, dan kepentingan pajakan atau pajakan kecil hendaklah tamat bermula tarikh suratcara itu didaftarkan.
- ❑ Penyerahan mana pajakan atau pajakan kecil hendaklah mendapat keizinan dari mana-mana pemegang gadaian.

# Sewaan (Tenancy)

# Apa Yang Boleh Disewakan

- Tanah milik ke atas kesemua bahagian atau sebahagian daripada tanah.
- Pemegang pajakan atau pajakan kecil ke atas keseluruhan pajakan atau sebahagian.
- Pemegang sewaan dengan memberi sub-sewaan.
- Tempoh sewaan tidak melebihi 3 tahun.
- Sewaan tidak perlu didaftarkan, untuk melindunginya ia boleh memohon untuk dicatatkan tuntutan di bawah S316 Kanun Tanah Negara (Akta 828).

# Sekatan Ke Atas Sewaan

- ❑ Larangan atau batasan yang dikenakan oleh Kanun Tanah Negara (Akta 828) atau undang-undang bertulis yang berkuatkuasa pada masa itu.
- ❑ Mana-mana sekatan kepentingan yang berkaitan dengan tanah tersebut.
- ❑ Sewaan tidak boleh diberikan kepada 2 orang atau lebih melainkan sebagai pemegang amanah atau wakil.



# Cagaran/Gadaian (Charge)

# Kuasa Mencagar (S241)

- Mana-mana tanah milik, kesemua tetapi tidak sebahagian daripadanya.
- Mana-mana pajakan tanah milik, kesemua tetapi tidak sebahagian daripadanya.
- Gadaian kedua tanah milik.
- Borang gadaian dibuat di atas Borang 16A.

# Sekatan-Sekatan Kepada Gadaian

- ❑ Larangan atau batasan yang dikenakan oleh Kanun Tanah Negara (Akta 828) atau mana-mana undang-undang bertulis pada masa ianya berkuatkuasa.
- ❑ Mana-mana sekatan kepentingan yang berkuatkuasa dengan tanah berkenaan.
- ❑ Gadaian tidak boleh diberikan kepada 2 orang atau lebih melainkan sebagai pemegang amanah atau wakil.
- ❑ Tertakluk kepada peruntukan yang dinyatakan di dalam surat perjanjian. suratan pajakan.
- ❑ Sekatan kepada warganegara asing atau syarikat asing.

Kanun Tanah Negara  
**Borang 5BK**  
 (Jadual Keempat Belas)

## GERAN

No. Hakmilik : 230946

Cukai Tahunan : RM105.00/

Negeri : Johor  
 Daerah : Kulai  
 Bandar/Pekan/Mukim : Mukim Senai  
 No. Lot : Lot 32756  
 Luas Lot : 2.2662 Hektar  
 Kategori Penggunaan Tanah : Tiada  
 No. Lembaran Piawai : 59C  
 No. Pelan Diperakui : 2887  
 No. Fail : PTG (D) 15/6/15/2125

Tanah yang diperihalkan di atas adalah dipegang untuk selama-lamanya oleh tuan punya pada masa namanya disebut dalam rekod ketuanpunyaan di bawah, tertakluk kepada peruntukan-peruntukan Kanun Tanah Negara, kepada kategori yang dinyatakan di atas dan kepada syarat-syarat nyata dan sekatan-sekatan kepentingan yang dinyatakan di bawah, sebagai balasan bagi pembayaran cukai tahunan yang sewajarnya.

Dengan perintah Pihak Berkuasa Negeri

Didaftarkan pada 2 Januari 2016

T.M .....L.L.....  
 Pendaftar

Pelan tanah, bagi maksud pengenalan, adalah dikepilkkan pada Borang B1.

### SYARAT-SYARAT NYATA

TIADA

### SEKATAN-SEKATAN KEPENTINGAN

Tiada



Hakmilik : 012102GRN00230946  
 Tarikh : 10/03/2016  
 No. Versi : 2  
 No. Salinan :  
 Muka Surat : 1 [ 2 ]

Hendaklah dipenuhkan apabila hakmilik dikeluarkan bagi sambungan

Tarikh mula-mula pemberimilikan : 8 Ogos 1926  
 No. hakmilik asal (Tetap atau sementara) : GRT 5848 Mukim Senai-Kulai  
 No. hakmilik yang terdahulu daripada ini : GRN 66403 Mukim Senai-Kulai  
 (jika berlainan daripada di atas) : GRN 230946 Mukim Senai

## REKOD KETUANPUNYAAN

CHANGHUAT TECHNOLOGY SDN. BHD., 1/1 bhgn.  
 No Syarikat : 273087-W, Tertubuh di bawah Akta Syarikat 1965  
 PLO 78, JALAN CYBER 5, KAWASAN PERINDUSTRIAN SENAI III, SENAI, 81400 JOHOR-

## REKOD URUSAN

No Pers 15782/2016 Gadaian menjamin wang pokok  
 oleh CHANGHUAT TECHNOLOGY SDN. BHD., No. Sykt : 273087-W  
 1/1 bhgn.  
 kepada UNITED OVERSEAS BANK (MALAYSIA) BHD, No Syarikat : 271809-K  
 NO. 31-1 & 31-2, JALAN RAYA, KULAI BESAR, 81000 KULAI JOHOR  
 didaftarkan pada 10 Mac 2016 jam 10:17:18 pagi  
 Suratkuasa Wakil : 224/2007

## PERKARA LAIN YANG MELIBATKAN HAKMILIK



Hakmilik : 012102GRN00230946  
 Tarikh : 10/03/2016  
 No. Versi : 2  
 No. Salinan :  
 Muka Surat : 2 [ 2 ]

**Borang 16N**  
(Seksyen 278)

**MELEPASKAN GADAIAN**

(Setem hendaklah dilekatkan - atau pembayaran cukai diperakui - dalam ruang ini)

**UNTUK KEGUNAAN PEJABAT PENDAFTARAN**

Ingatan pendaftaran dibuat dalam Dokumen/Dokumen-dokumen Hakmilik dalam daftar yang dijadualkan di bawah ini, mulai dari

pukul ..... pada .....

haribulan ..... 20 .....

T.M. Pendaftar /  
Pentadbir Tanah .....

Negeri/  
Daerah .....

Fail mengenai :-

Jilid .....

Folio

Bil. Perserahan -

Jika alamat orang berhak di bawah suratcara ini ialah di luar Persekutuan, maka satu alamat di dalam persekutuan menyampaikan notis-notis hendaklan ditambah dalam ruang ini.

**JADUAL TANAH \*DAN KEPENTINGAN**

*Bandar/ Pekan Mukim	No. *Lot Petak/P.T.	Jenis dan No. Hakmilik	No.Berdaftar Pajakan/ Pajakan kecil (jika ada)	No.Berdaftar gadaian (jika ada)	Catitan Melepaskan (jika ada)
(1)	(2)	(3)	(4)	(5)	(6)
<b>MUKIM SENAI</b>	<b>LOT 32756</b>	<b>GERAN 230946</b>	<b>TIADA</b>	<b>NO. PERSN: 15782/2016 BERTARIKH: 10/3/2016</b>	<b>DILEPASKAN</b>

**SATU (1) HAKMILIK SAHAJA**

UNITED OVERSEAS BANK (MALAYSIA) BHD  
(199301017069 (271809-K))

Kepada

CHANGHUAT TECHNOLOGY SDN. BHD.  
(199301018349 (273087-W))

## MELEPASKAN GADAIAN

LEE & TENGKU AZRINA

Peguambela dan Peguamcara,  
Unit 13-01, Level 13, Menara Landmark,  
No. 12, Jalan Ngee Heng,  
80000 Johor Bahru,  
Johor Darul Takzim.  
No. Telefon : 07-2238828  
No. Faks : 07-2231828

No. Rujukan Fail : 171/21/UOB/LTK/CSH/YRS/sf  
Email: general@leetengkuazrina.com

Kami, UNITED OVERSEAS BANK (MALAYSIA) BHD (No. Pendaftaran : 199301017069 (271809-K))

sebuah syarikat yang ditubuhkan di Malaysia di bawah Akta Syarikat 1965 dan mempunyai pejabat berdaftar di

Tingkat 11, Menara UOB, Jalan Raja Laut, 50350 Kuala Lumpur dan sebuah cawangannya di No. 31-1 & 31-2,

Jalan Raya, Kulai Besar, 81000 Kulai, Johor Darul Takzim

pemegang gadaian dalam gadaian yang tersebut dalam Jadual di bawah ini bagi \*tanah / bahagian yang tak dipecahkan atas tanah / pajakan / pajakan kecil yang tersebut di dalamnya :

Dengan ini melepaskan daripada segala tanggungan yang selanjutnya di bawah gadaian ini mengenai -

\*kesemua \*tanah / bahagian yang tak dipecahkan atas tanah / pajakan / pajakan kecil.

\*mana-mana \*tanah / bahagian yang tak dipecahkan atas tanah / pajakan / pajakan kecil yang bertanda

"Dilepaskan" dalam ruangan 6 dalam Jadual itu.

Bertarikh pada

haribulan - 1 NOV 2021 20


Persn

: PDHT 1/2021

Bertarikh

: 1/2/2021

UNITED OVERSEAS BANK (MALAYSIA) BHD  
(199301017069 (271809-K))  
Oleh Wakil Kuasanya:-

  
Tandatangan (atau lain-lain cara penyempurnaan)  
Oleh atau bagi pihak pemegang gadaian

CHAI SHU HWI  
(BC/C/1580)

Saya ..... sebagai Peguambela dan

Di sini  
menyatakan  
nama penuh  
dan kelengkapan  
orang yang  
menyatakan.

Peguamcara di Mahkamah Tinggi, Malaya yang beramal di Johor Bahru, Johor dan mempunyai sijil amalan yang sah dengan ini mengaku bahawa \*tandatangan / cap-ibu-jari yang di atas itu telah \*ditulis / diecapkan di hadapan saya pada ..... haribulan ..... - 1 NOV 2021, 20 ....., dan adalah \* tandatangan / cap-ibu-jari yang benar bagi :-

Di sini  
Menyatakan  
nama orang  
yang men-  
yempurnakan  
atau kenyataan  
"orang yang  
dimatakan di  
atas".


Mohd Saharuddin Bin Zakaria (No. K/P: T20208-14-5379)  
sebagai Wakil Kuasa bagi UNITED OVERSEAS BANK (MALAYSIA) BHD (199301017069 (271809-

K)) yang telah mengaku kepada saya

- (i) bahawa dia / mereka adalah cukup umur,
- (ii) bahawa dia / mereka adalah / bukan-Warganegara Malaysia,
- (iii) bahawa dia / mereka adalah menyempurnakan suratcara ini dengan kerelaan hatinya sendiri, dan
- (iv) bahawa dia / mereka faham akan kandungan serta natijahnya.

Disaksikan dengan tandatangan saya pada

haribulan - 1 NOV 2021 20

  
Peguambela dan Peguamcara  
CHAI SHU HWI  
(BC/C/1580)  
PEGUAMBELA & PEGUAMCARA  
JOHOR BAHRU

Lien

# Mewujudkan Lien Dan Kesannya (S281)

- ❑ Mana-mana tuan punya atau pemegang pajakan boleh mendepositkan dengan mana-mana orang atau badan lain, sebagai jaminan untuk suatu pinjaman dokumen hakmilik keluarannya, atau pajakan penduanya mengikut mana-mana yang sesuai.
- ❑ Untuk melindungi kepentingan pemberi pinjaman, beliau akan memasukkan kaveat pemegang lien dan berhak kepada suatu lien ke atas tanah atau pajakan itu.



# Mewujudkan Lien dan Kesannya (S281)

- ❑ Pemegang mana-mana lien berhak untuk memohon kepada Mahkamah untuk mendapatkan suatu perintah jualan bagi tanah atau pajakan itu.
- ❑ Seorang pemegang lien hendaklah, atas permintaan bertulis daripada tuan punya atau pemegang pajakan dalam tempoh yang munasabah, mengeluarkan Dokumen Hakmilik Keluaran atau pajakan pendua dari Pejabat Pendaftaran atau Pejabat Tanah yang ditetapkan.

esmen (Easement)

# Erti Ismen (S282)

Esmen ertinya apa-apa hak yang diberi oleh seorang tuan punya, selaku tuan punya, kepada seorang lain, dan untuk menikmati faedah dari tanahnya.

# Hak-Hak Yang Berupaya Diberi Sebagai Esmen (S283)

- Apa-apa hak untuk membuat sesuatu dalam, atas atau kepada tanah menanggung itu (Servient).
- Apa-apa hak yang melarang sesuatu itu dilakukan.
- Hak-hak tersebut tidak termasuk:
  - a) Apa-apa hak untuk mengambil sesuatu daripada tanah menanggung; atau
  - b) Apa-apa hak kepada milikan eksklusif mana-mana bahagian darinya.

# Sekatan Ke Atas Kuasa Memberi (S285)

- ❑ Apa-apa larangan atau batasan yang dikenakan oleh Kanun Tanah Negara (Akta 828) atau mana-mana undang-undang bertulis pada masa itu berkuatkuasa.
- ❑ Mana-mana tanah di bawah pajakan, sewaan atau cagaran perlu mendapatkan persetujuan awal dalam satu suratcara dengan mana esmen itu diberi.

# Bentuk Dan Kesan Pemberian (S286)

- ❑ Pemberian apa-apa esmen hendaklah dilaksanakan di atas Borang 17A.
- ❑ Dalam hal pemberian oleh tuan punya bersempadan, esmen berbalas sokong dinding dua tuan dengan suatu suratcara atas Borang 17B.
- ❑ Pemberian sedemikian boleh dilaksanakan, setakat mana pemberi membenarkan, sama ada untuk selama-lamanya atau untuk tempoh beberapa tahun.
